

Sanusi bimbang ada pelajar tak tahan kawan nafsus



● DATUK SANUSI JUNID

BANGI, Selasa. — Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Junid bimbang kerana terdapat para pelajar di seberang laut yang tidak dapat mengawal nafsu sehingga terpaksa bernikah sebelum selesai persekolahan.

Menurutnya akhir-akhir ini terlalu ramai pelajar, jika dibandingkan dengan masa dahulu, kelihatan warak atau alim di luar tetapi tidak dapat mengawal nafsu mereka sehingga terpaksa bernikah lebih awal.

Tung mendakaitkan ialah setelah mendirikan rumah tangga dan mendapat anak dan kerana tidak mampu untuk membiayai pembantu rumah, pelajaran isteri menjadi tergendala sehingga terpaksa berhenti dari menyambung pelajarannya, katanya semasa berucap kepada para pelajar yang mendapat biasiswa Mara dan Lembaga Letrik Negara (LLN) untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri di dewan besar Institut Sultan Ahmad Shah, Bangi, hari ini.

Bellau menisifatkan para pelajar demikian sebagai bukan sahaja mengecewakan harapan ibu bapa, bangsa dan negara, tetapi juga mengkhianati peluang bagi para pelajar lain yang gagal mendapat biasiswa kerana pelajar ini telah mendapatnya. "Oleh kerana mengawal nafsu itu adalah satu daripada jihad, maka mereka yang tidak tahan nafsu tidak perlulah mendapat biasiswa dari Kerajaan jika hanya untuk bernikah di negara orang dan menghabiskan wang Kerajaan," teganya.

Berkawan

Datuk Sanusi juga mengulang perlunya para pelajar yang menuntut di luar negeri mempunyai pandangan luas dengan berkawan dengan orang asing untuk mendapat faedah besar setelah tamat pengajian kelak.

Katanya, ramai ibu bapa kepada para pelajar di negara lain memegang jawatan penting dalam Kerajaan atau awasi di negara mereka dan jika perhubungan berfaedah dapat dipupuk, pelajar Malaysia boleh menjadi tenaga perhubungan yang dapat membuka peluang memasarkan barang-barang tempatan ke luar negeri.

Dalam hubungan ini, bellau menyeru mereka menentohi pelajar Jepun, Korea Selatan dan Taiwan yang berjaya memupuk persahabatan dengan rakan persekolahan mereka di luar negeri yang akhirnya menjadi rakan perdagangan dan perusahan setelah tamat persekolahan.

Menteri itu kesal kerana pernah berlaku pergaulan para pelajar Malaysia di luar negeri menjadi lebih terbatasi daripada pergaulan dalam negeri sendiri dan mereka berpuak-puak.

Dalam negeri sendiri biasanya seseorang pelajar Melayu boleh bergaul dengan pelajar dari kaum Cina dan India, tetapi apabila mereka di luar negeri, pelajar-pelajar Melayu berkawan dengan Melayu sahaja dan biasanya dalam kumpulan kecil yang terbatasi," tambah bellau.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia